

Kedah Mungkin Laksana Hukum Hudud
mStar Online
November 18, 2011

ALOR SETAR: Kedah akan melaksanakan hukum hudud selepas Kelantan berbuat sedemikian, kata Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pelajaran dan Koperasi negeri, Datuk Mohamed Taulan Mat Rasul.

Katanya, walaupun Kelantan telah meluluskan undang-undang tersebut, ia masih tidak dapat dilaksanakan kerana masih tidak diluluskan Kerajaan Persekutuan.

"Kami mahu melihat bagaimana Kelantan melaksanakannya, kemudian kami akan melakukannya di sini (Kedah)," katanya ketika berucap untuk mesyuarat Belanjawan 2012 dekat Persidangan Dewan Undangan Negeri.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd
Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/11/18/mstar_berita/20111118112508&sec=mstar_berita